



Minggu Kelapan

**WAJIB HAJI: NIAT IHRAM
DI MIQAT DAN
JENIS HAJI**



CARTA ALIRAN PEKERJAAN HAJI

RUKUN HAJI

- 1 Niat Ihram Haji
- 4 Wuquf
- 10 Tawaf
- 11 Sa'le
- 7 Bergunting/Bercukur
- 12 Tertib Pada Kebanyakan Rukun

WAJIB HAJI


- 2 Niat Di Miqat
- 3 Larangan Ihram
- 5 Bermalam (Mabit) Di Muzdalifah
- 6 Melontar Jamrah Kubra Pada 10 Zuhijjah
- 8 Bermalam (Mabit) Di Mina 11,12,13 Zuhijjah
- 9 Melontar Ketiga-tiga Jamrah Pada 11,12,13 Zuhijjah

Catatan

WAJIB-WAJIB HAJI

PENGERTIAN WAJIB HAJI

Wajib Haji ialah **Pekerjaan Yang Wajib Dilakukan** Ketika Mengerjakan Haji. Jika **Tidak Mengerjakan Salah Satu** Daripadanya **Haji Tersebut Tetap Sah Tetapi Dikenakan Dam** Menurut Syarat-syaratnya Dan Menanggung **Dosa Jika Meninggalkan** Perkara Tersebut Dengan **Sengaja**.



Catatan

MEMAKAI PAKAIAN IHRAM

LELAKI

Dua Helai Kain Lepas (Tidak Bercantum) Sehelai Dipakai Untuk Menutup Auratnya Di Antara Pusat Dan Lutut Dan Sehelai Lagi Dibuat Selendang. Disunatkan Berwarna Putih

WANITA

Pakaian Ihram Bagi Wanita Pula Hendaklah Menutup Semua Anggota Tubuh Selain Muka Dan Dua Pergelangan Tangan (Tiada Pakaian Khusus Seperti Jemaah Haji Lelaki)



CONTOH SELIPAR YANG
DIBENARKAN

PAKAIAN LELAKI SEMASA IHRAM SECARA *IDTIBA'* (menampakkkan bahu sebelah kanan)

Hanya Sunat Dipakai Semasa Tawaf
Yang Diiringi Dengan Sa'ie Sahaja
Atau Semasa Sa'ie Sahaja

Tidak Disunat Dipakai Secara *Idtiba'*
Semasa Di Lokasi Lain Seperti
Stesyen Berlepas Dan Sebagainya

Begitu Juga Ketika Solat (Makruh),
Elak Secara *Idtiba'*


Catatan



PAKAIAN LELAKI SEMASA IHRAM TANPA *IDTIBA'* (biasa)

CONTOH
SELIPAR YANG
DIBENARKAN

PAKAIAN IHRAM WANITA



Perhatian :

- 1- Elak Dari Bersolek – Tanpa Keperluan – Elak Fitnah Dan Riyak
- 2- Pastikan Aurat Di Jaga
- 3- Kain Telekung Yang Bersesuaian Dan Tidak Menampakkan Aurat
- 4- Stoking Dipakai – Tidak Terlalu Nipis Menampakkan Warna Kulit – Syorkan Stoking Tebal Dan Panjang

Catatan

PASTIKAN NAMPAK KELIMA-LIMA ANAK JARI



Contoh sepatu yang dibenarkan semasa dalam Ihram



Contoh sepatu yang tidak dibenarkan semasa dalam Ihram

SUNAT IHRAM

AMALAN SUNAT SEBELUM NIAT IHRAM

- ❖ Mengerat Kuku
- ❖ Merapikan Janggut, Misai Dan Rambut
- ❖ Menanggalkan Bulu Ketiak, Ari-ari Dan Sebagainya
- ❖ Mandi Sunat Ihram
- ❖ Mengambil Wuduk
- ❖ Memakai Wangian Pada Badan (Bukan Pada Kain Ihram)
- ❖ Memakai Minyak Rambut
- ❖ Memakai Kain Ihram Berwarna Putih
- ❖ Solat Sunat Ihram

AMALAN SUNAT SEMASA NIAT IHRAM

- ❖ Mengadap Ke Arah Kiblat
- ❖ Berada Dalam Keadaan Wuduk

AMALAN SUNAT SELEPAS BERNIAT

- ❖ Bertalbiah, Berdoa , Bacaan Al Quran, Zikir
- ❖ Elak Dari Berbual Kosong (*Lagha*)

Catatan


WAJIB HAJI (1)

MIQAT

ERTI MIQAT

Ketentuan Tempat Atau Masa
Untuk Berniat Ihram Atau
Umrah





Catatan

MIQAT ZAMANI (HAJI)

1 SYAWAL

30 SYAWAL



1 ZULKAEDAH

29 ZULKAEDAH




1 ZULHIJJAH

SEBELUM TERBIT FAJAR 10 ZULHIJJAH



Miqat Zamani Bagi Haji ialah Bermula 1 Syawal Hingga Seketika Sebelum Terbit Fajar Hari Yang Ke 10 Zulhijah, Inilah Yang Dinamakan Bulan-bulan Haji, Tidak Sah Ihram Haji Jika Dilakukan Di Luar Masa Tersebut Bahkan Jadilah Ihram Umrah

MIQAT TEMPAT (MAKANI)



Catatan

MIQAT

TERBAHAGI KEPADA DUA

MAKANI (TEMPAT)

ZAMANI (MASA)

JEMAAH LUAR MAKKAH

1. QARNUL MANAZIL
2. ZUL HULAIFAH/BIR ALI
3. YALAMLAM
4. JUHFAH
5. ZATUL IRQIN

TANAH HARAM/TEMPAT TINGGAL DI MAKKAH

JEMAAH DALAM MAKKAH

HAJI

UMRAH

1. JI'RANAH
2. TAN'IM
3. HUDAIBIYYAH
4. SYUMAI SYI
5. TANAH HALAL

HAJI

1 Syawal
Hingga
Sebelum Terbit
Fajar
10 Zulhijjah

UMRAH

Sepanjang
Tahun Kecuali
Bagi Ihram/
Amalan Haji

Peringatan

1. Miqat *Makani* Bagi Jemaah Haji Malaysia Yang Perjalanannya Terus Ke Makkah ialah Qarnul Manazil
2. Miqat *Makani* Bagi Jemaah Haji Malaysia Yang Perjalanannya Dari Madinah ialah Zul Hulaifah/Bir Ali

MIQAT MAKANI/ BAGI HAJI & UMRAH BAGI PENDUDUK LUAR MAKKAH



Catatan

ANTARA TEMPAT MIQAT UMRAH KETIKA BERADA DI MAKKAH



MIQAT UMRAH DI TAN'IM
(MASJID SAIDATINA AISYAH)
JARAK PALING HAMPIR
DENGAN MAKKAH)



MIQAT UMRAH DI HUDAIBIYAH (SHUMAISHI)



MIQAT UMRAH DI JI'RAH

CARA MENGERJAKAN HAJI

HAJI IFRAD

Mengerjakan Haji Dalam Bulan-bulan Haji Kemudian Mengerjakan Umrah Setelah Selesai Amalan Haji – (Afdhal)

HAJI TAMATTU'

Mengerjakan Umrah Dahulu Dalam Bulan-bulan Haji Kemudian Mengerjakan Haji Pada Tahun Yang Sama

HAJI QIRAN

CARA 1

Berniat mengerjakan haji dan umrah serentak dalam bulan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji. Umrah pula dikira selesai sebaik saja selesai menunaikan haji.

CARA 2

Berniat mengerjakan umrah sahaja, tetapi sebelum tawaf ia berniat mengerjakan haji kemudian melaksanakan semua rukun dan wajib haji.

PERHATIAN (KES HAJI QIRAN CARA 2)

Berniat Mengerjakan Umrah Sahaja, Tetapi Sebelum Tawaf Berniat Mengerjakan Haji Kemudian Melaksanakan Semua Rukun Dan Wajib Haji

Contoh Kes Ini : Wanita Kedatangan Haid Selepas Niat Umrah (Sama Ada Wajib Atau Umrah Sunat)- Haid Tidak Kering Sehingga Tarikh Berangkat Ke Arafah.

(Perhatian: Jemaah Haji Yang Tidak Sempat Menyempurnakan Umrah Kerana Sakit, Terhalang Atau Koma Juga Melaksanakan Boleh Melaksanakan Haji Qiran Ini)

TERDAPAT DUA PANDANGAN :

1- MAZHAB SYAFI'IE

Jika Kedatangan Haid Sebelum Melangkah Tawaf, Maka Boleh Bertukar Kepada Niat Haji Sebelum Berangkat Ke Arafah, Maka Jadi Haji Qiran, Sekiranya Telah Melangkah Tawaf Tidak Boleh Niat Haji (Haji Tidak Boleh Dimasukkan Dalam Umrah)- Maka Tidak Dapat Haji Tahun Tersebut

2- MAZHAB MALIKI –

Boleh Memasukkan Niat Haji Ke Dalam Umrah – Iaitu Boleh Niat Haji Sebelum Berangkat Ke Arafah- Maka Jadi Haji Qiran Sekiranya Belum Akhiri Tawafnya Dengan Melakukan Solat Sunat Tawaf

Catatan

HAJI TAMATTU'

MENGERJAKAN UMRAH DAHULU



Sementara Menunggu Hari Wuquf Jemaah Haji Eloklah Membuat Amalan Sunat Seperti Mengerjakan Umrah Sunat , Tawaf Sunat & Berjemaah Di Masjidil Haram Mengikut Kemampuan

HAJI TAMATTU'

CARA MENERJAKAN HAJI TAMATTU'



Catatan


SAMBUNGAN HAJI TAMATTU'

CARA MENERJAKAN HAJI TAMATTU'



HAJI IFRAD

KERJAKAN HAJI DAHULU DI DALAM BULAN HAJI



Catatan

SAMBUNGAN HAJI IFRAD

CARA MENERJAKAN HAJI IFRAD



HAJI IFRAD

CARA MENERJAKAN UMRAH



Catatan

HAJI QIRAN

CARA MENERJAKAN HAJI QIRAN



*Dibari Pilihan Untuk Melaksanakan Sebelum Atau Selepas Wukuf

SAMBUNGAN HAJI QIRAN

CARA MENERJAKAN HAJI QIRAN



Catatan
